

Baiki sistem perparitan

Kosmo 8/2/07

Kebanyakan penduduk di daerah Perak Tengah sentiasa berada dalam kebimbangan kerana air bertakung terlalu lama di kawasan rumah mereka ketika musim hujan.

Oleh AZMI ABDUL MALEK

BANJIR yang melanda di beberapa buah kampung di daerah Perak Tengah baru-baru ini agak mengejutkan penduduknya. Ini kerana sejak Projek Tebatan Banjir Blok Sungai Tumbuh dibina di Kampung Gajah pada tahun 2004, banjir tidak pernah berlaku di kampung-kampung sekitarnya seperti Kampung Pulau Besar, Pulau Gajah, Pulau Juar, Air Mati, Bandar dan Bebanan.

Sehubungan itu, banjir yang tiba-tiba berlaku pada Aidilfitri tahun lalu benar-benar memmeranjatkan penduduk di kampung-kampung berkenaan. Sebanyak 57 rumah penduduk ditenggelami air.

Banjir itu dikatakan berlaku berikutan air di Empangan Temenggor melimpah ke Sungai Perak.

Hujan lebat yang agak lama menyebabkan air sungai semakin tepu sehingga menenggelamkan kawasan terlibat ke paras satu meter.

Seorang penduduk, Musa Ahmad terpaksa berpindah ke rumah anaknya di pekan Kampung Gajah berikutan air di kawasan rumahnya yang rendah semakin dalam.

Ketua Kampung Pulau Gajah, Abdul Hamid Mohd Nor, berkata ramai lagi penduduk berpindah ke tempat lebih tinggi apabila air Sungai Perak melimpah dan hujan lebat tidak berhenti.

Berikutan itu, katanya, Pejabat Daerah Dan Tanah Perak Tengah menubuhkan sebuah jawatankuasa gerakan banjir di Kampung Gajah.

Menurutnya, jawatankuasa itu bertindak memantau keadaan banjir di situ dan memberikan bantuan yang diperlukan penduduk berkenaan.

"Semua penduduk dimaklumkan mengenai kedatangan banjir berkenaan selepas sembahyang sunat Aidilfitri.

"Pihak berkuasa meramalkan banjir ini akan berlaku pada tengah malam tetapi air mula membuak 12 jam lebih awal," katanya kepada KOSMO!

Abdul Hamid berkata, penduduk membuat persiapan menghadapi banjir sejak awal pagi dengan memindahkan barangan dan kelengkapan rumah ke tempat lebih tinggi.


Seorang penduduk, Zamri Osman, 72, berkata, air menenggelami kawasan rumahnya sedalam satu meter.

Menurutnya, beliau sekeluarga berjaya menyelamatkan barangan rumah kecuali beberapa ekor ayam ternakan.

Seorang penduduk, Aminah Wii, 55, yang juga Ketua Wanita UMNO cawangan itu berkata, kawasan berkenaan mengalami banjir terakhir pada tahun 1999.

"Kami menghadapi masalah banjir selama seminggu pada kali ini apabila hujan turun tanpa henti selama beberapa hari," katanya.

Ketua Kampung Air Mati, Salleh Nik, berkata, sebanyak 18 rumah di kampung itu ditenggelami air manakala 21 rumah mengalami nasib yang sama di Kampung Bandar.



RUMAH Zamri Osman di Kampung Pulau Gajah ditenggelami air sedalam satu meter.



NASARUDIN HASHIM (kiri) menyampaikan bantuan kepada mangsa banjir di Bota, Perak.

Sementara itu, Jawatankuasa Khas Bencana Banjir Peringkat Daerah Perak Tengah ditubuhkan baru-baru ini bagi menyelesaikan masalah banjir kilat yang sering berlaku di kawasan berkenaan sejak kebelakangan ini.

Beberapa pemimpin di daerah Perak Tengah berpendapat Jabatan Pengairan

Dan Saliran (JPS) perlu mencari jalan bagaimana mengurangkan kejadian banjir di kawasan berkenaan.

Kebanyakan penduduk sentiasa berada dalam kebimbangan apabila air bertakung terlalu lama di kawasan rumah mereka ketika musim hujan berikutan saluran sedia ada tidak

berfungsi dengan baik.

Keadaan dasar Sungai Perak yang cetek di sesetengah tempat pula menyebabkan air mudah melimpah ke kawasan kediaman penduduk sekitarnya.

Ahli Parlimen Parit, Datuk Nasarudin Hashim, berkata, beliau menerima banyak aduan tentang banjir kilat yang berlaku di daerah ini sejak beberapa tahun lalu.

Menurutnya, aduan berkenaan dipanjangkan kepada JPS tetapi tidak mendapat maklum balas positif.

"Antara alasan yang diberikan ialah kekurangan peruntukan untuk membuat tebatan banjir di sekitar kawasan terlibat," katanya.

Sebagai contoh Nasarudin berkata, penduduk di Parit Enam,

Layang-Layang Kiri

menghadapi

masalah

banjir

setiap

tahun

apabila air

dari

kawasan

estet kelapa

sawit Risda

Bukit Kota 2 dan

3 melimpah ke

kampung berkenaan.

Beliau yang juga

Pengerusi Felcra dan Naib Ketua

UMNO Bahagian Parit yakin masalah

banjir akan berkurangan sekiranya

sistem perparitan dapat dibuat dengan

sempurna.

Nasarudin berkata, kawasan itu akan

terus dilanda banjir pada musim

tengkujuh sekiranya sistem perparitan

tidak diperbaiki segera.

Katanya, banjir mungkin tidak dapat

dielakkan tetapi boleh dikurangkan

kedalaman airnya jika sistem perparitan

diperbaiki.

Menurutnya, beberapa pemimpin

tempatan termasuk penghulu dan ketua

kampung sentiasa berbincang untuk

mengatasi masalah itu tetapi mempunyai

bidang kuasa yang terbatas.

Sehubungan itu, beliau berkata, satu

jawatankuasa menangani banjir kilat

peringkat daerah dibentuk untuk

mengkaji dan mengatasi banjir di sekitar

Daerah Perak Tengah.

Katanya, jawatankuasa itu yang

melibatkan ketua kampung dan penghulu

akan membincangkan punca banjir dan

cara mengatasinya.

Menurutnya, cadangan jawatankuasa

itu pula akan dipanjangkan ke mesyuarat

Majlis Tindakan Daerah Perak Tengah

untuk diteliti.

Beliau berkata, sejak beberapa tahun

kebelakangan ini, hampir kesemua

kampung di tepi Sungai Perak mengalami

masalah banjir setiap kali tiba musim

hujan lebat.

Oleh itu katanya, langkah yang lebih

proaktif perlu dilakukan supaya rakyat

lebih bersedia menghadapi masalah banjir.

Banjir mungkin tidak dapat dielakkan tetapi boleh dikurangkan kedalaman airnya jika sistem perparitan diperbaiki